

Tadabbur Dengan Soalan Halaman 15 QS 2:94-97

Mohd Harfiz Bin Hamzah

Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:94

قُلْ إِنْ كَانَتْ لَكُمْ الدَّارُ الْآخِرَةُ عِنْدَ اللَّهِ خَالِصَةً مِّنْ دُونِ النَّاسِ
فَتَمَنَّوْا الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Katakanlah (wahai Muhammad kepada kaum Yahudi): "Kalau syurga negeri akhirat itu telah menjadi hak istimewa untuk kamu pada sisi hukum Allah, tidak boleh dicampuri oleh orang-orang lain (seperti yang kamu dakwakan itu), maka cita-citakanlah mati (supaya kamu dimatikan sekarang juga), jika betul kamu orang-orang yang benar".

Jawapan: Sesiapa yang merasakan bahawa dirinya merupakan ahli syurga, sudah tentu menyukai mati lebih daripada kehidupan di dunia. Ini adalah kerana di syurga itu terdapat nikmat-nikmat yang banyak dan terhapusnya kesusahan-kesusahan di dunia. (Al-Qurtubi: 2/257)

Amal: Berusahalah untuk mengenal Allah swt dan pelajarilah tentang keindahan syurga.

Soalan: Mengapakah Allah memerintahkan orang-orang Yahudi untuk mengharap kematian bagi diri mereka?

Jawapan: Mubalah ini disebut *tamanni* (pengharapan/keinginan), kerana kedua belah pihak yang merasa benar ingin agar Allah Taala membinasakan kelompok yang batil, apalagi jika merasa mempunyai hujjah untuk menjelaskan kebenaran dan keunggulannya. Dan mubalah itu dilakukan dalam bentuk memohon kematian, kerana kehidupan dunia bagi orang-orang Yahudi sangat mulia dan berharga, sementara mereka mengetahui tempat kembali mereka yang menyeramkan setelah kematian. (Ibn Kathir, 1/190)

Amal: Ingat, sentiasa berdoa agar berada di atas jalan petunjuk supaya tetap tenang dalam apa saja yang diperjuangkan kerana Allah.

Soalan: Mengapa dinamakan mubalah tamanni

Jawapan: Kerana itu adalah keyakinan terhadap baiknya keadaan seorang hamba dengan tuhanNya dan elokNya hal antara seorang hamba dengan tuhanNya serta pengharapan kepada pertemuan denganNya. Walaupun jiwa itu sering ingin melarikan diri daripada kematian, namun ia adalah lemah dari sentiasa melarikan diri daripadanya. Dengan pengetahuan tentang akhirat yang mana ianya menenangkan seorang hamba untuk bertemu tuhanNya, maka dia akan menginginkan kematian, malah menyukainya. Sesiapa yang sukakan pertemuan dengan Allah, maka Allah juga menyukai pertemuan dengannya, manakala sesiapa yang membenci pertemuan dengan Allah, maka Allah juga membenci pertemuan denganNya (Al-Biqā'ie: 1/200).

Amal: Sentiasa muhasabah diri dengan bertanya, 'apakah saya rindu bertemu dengan Rabb?'

Soalan: Apakah yang dimaksudkan dengan mengharapkan pertemuan dengan Allah?

Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:95

وَلَنْ يَتَمَنَّوْهُ أَبَدًا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ

Dan sudah tentu mereka tidak akan mencita-citakan mati itu selama-lamanya, dengan sebab dosa-dosa yang telah mereka lakukan; dan Allah sentiasa mengetahui akan orang-orang yang zalim itu.

Jawapan: Perintah kepada mereka agar menginginkan kematian tidak bertentangan dengan larangan Nabi saw. bagi umat Islam untuk menginginkan kematian. Kerana perintah ini berkaitan dengan pembuktian ucapan-ucapan mereka, sedang larangan Nabi saw. berkaitan dengan keputusan menghadapi kesulitan hidup. Di sisi lain, keinginan untuk mengorbankan diri dan mati sebagai syahid, sama sekali tidak terlarang dalam agama. (Al-Misbah, 1:268)

Amal: Ingat, jangan sesekali berputus asa terhadap rahmat Allah sehingga mengharap kematian, serta sentiasalah bercita-cita untuk syahid di jalan Allah.

Soalan: Bagaimanakah dibolehkan untuk mengharap kematian?

Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:96

وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ النَّاسِ عَلَى حَيَوَةٍ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا ۚ يَوَدُّ
أَحَدُهُمْ لَوْ يُعَمَّرُ أَلْفَ سَنَةٍ وَمَا هُوَ بِمُزَحِّزٍ لَهُ مِنَ الْعَذَابِ أَنْ يُعَمَّرَ ۚ
وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا يَعْمَلُونَ

Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-
tamak manusia kepada hidup (yang lanjut masanya), dan (lobanya mereka kepada
hidup itu) melebihi loba orang-orang kafir musyrik. Tiap-tiap seorang dari mereka
suka kiranya ia boleh hidup seribu tahun, padahal umur panjang yang demikian,
tidak akan dapat melepaskannya dari azab (yang disediakan oleh Allah). Dan
(ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang mereka lakukan.

Jawapan: Orang-orang Yahudi dicela kerana kuatnya keinginan mereka untuk kekal di atas dunia dalam apa jua keadaan. Ini adalah kerana mereka tahu walau betapa buruknya keadaan mereka di dunia ini, ia tetap lebih baik berbanding hal mereka selepas kematian (AlBiqā'ie: 1/202)

Amal: Berhati-hatilah terhadap jejak langkah orang yang kendatipun mengetahui kebenaran (Yahudi), tetapi hanya menumpukan pada dunia sahaja dek kerana sudah berputus asa dengan akhirat.

Soalan: Apakah sebab kuatnya keinginan orang-orang Yahudi untuk kekal di atas dunia dalam apa jua keadaan?

Jawapan: "Berkata Mujahid bin Ishak dari Muhammad bin Abi Muhammad, dari Sa'id atau Ikrimah, dari Ibnu Abbas: "Maksudnya, umur panjang ,itu sama sekali tidak akan menyelamatkan mereka dari adzab, karena orang musyrik tidak mengharapkan kebangkitan kembali setelah kematian, tetapi menginginkan umur panjang. Sedangkan orang Yahudi mengetahui kehinaan yang akan mereka terima di akhirat kerana mereka menysia-nyiakan ilmu yang mereka miliki." (Ibn Kathir, 1/191)

Amal: Ya Allah, panjangkanlah umur kami serta berkatilah ia.

Soalan: Adakah umur yang panjang boleh menyelamatkan seorang hamba daripada azab Allah?

Apa mesej Allah dalam ayat ini? 2:97

قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ مُصَدِّقًا لِمَا
بَيْنَ يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَى لِلْمُؤْمِنِينَ

Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan Al-Quran ke dalam hatimu dengan izin Allah, yang mengesahkan kebenaran Kitab-kitab yang ada di hadapannya (yang diturunkan sebelumnya), serta menjadi petunjuk dan memberi khabar gembira kepada orang-orang yang beriman".

Jawapan: 'Hati' disebutkan secara khusus di dalam ayat ini kerana ianya merupakan tempat bagi akal dan ilmu serta tempat menerima pengetahuan (Al-Qurtubi: 2/262).

Amal: Pelajarilah tentang hati sampai kita mengenali kerajaan diri ini sehingga ia dapat berfungsi dengan sebaiknya. Ya Allah, tetapkanlah hati kami atas agamaMu dan mentaatiMu.

Soalan: Apakah yang menunjukkan kepentingan hati dan kebesaran kejadiannya?